

PEMBAHARUAN FATWA DAN INSTITUSINYA DALAM MENINGTEGRASI KEADILAN RESTORATIF BAGI MENANGANI AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Reform of Fatwas and Fatwa Institutions in Integrating Restorative Justice to Address Deviant Teachings in Malaysia

Mohamad Ridhuan Mohd Zawawi^{1a}, Wafaa' Yusof^{2a}, Zaini Nasohah^{3a} dan
Anwar Fakhri Omar^{4a}

^aPusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor, MALAYSIA

Emel: p153792@siswa.ukm.edu.my¹

Emel: wafaa@ukm.edu.my²

Emel: zbn@ukm.edu.my³

Emel: anwar.fpi@ukm.edu.my⁴

*Corresponding Author: p153792@siswa.ukm.edu.my

Received: 12 November 2025

Accepted: 20 November 2025

Published: 30 Januari 2026

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.31no1.783>

Abstrak	Abstract
Pewartaan fatwa merupakan langkah penting bagi mengekang ajaran sesat dengan bertindak sebagai asas tindakan perundangan. Analisis terhadap fatwa-fatwa ajaran sesat yang diwartakan di Malaysia menunjukkan bahawa fatwa-fatwa tersebut lebih cenderung kepada tindakan punitif dengan syor tindakan perundangan sebagai keutamaan berbanding pemulihan akidah sehingga menimbulkan kritikan dan menyebabkan ketidakefektifan tindakan penguatkuasaan. Hakikat ini memperlihatkan bahawa pendekatan punitif semata-mata tidak efektif dalam menangani ajaran sesat sebaliknya menuntut pelaksanaan pembaharuan yang menitikberatkan pemulihan dan pengislahan. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji	The gazettement of fatwas functions as a crucial mechanism to curb deviant teachings by providing a legal framework for enforcement. However, an examination of gazetted fatwas on deviant teachings in Malaysia reveals that they often adopt a predominantly punitive stance focusing on legal action rather than faith rehabilitation. This enforcement centric approach has been criticized for its limited effectiveness in resolving underlying issues of belief deviation. Such a reality underscores the need for reform that integrates restorative and rehabilitative principles alongside legal measures. Accordingly, this study aims to explore the reform of fatwas and fatwa institutions by embedding restorative justice principles in addressing cases of deviant teachings in Malaysia. Employing a qualitative

bentuk pembaharuan fatwa dan institusi fatwa dalam mengintegrasikan keadilan restoratif bagi menangani kes ajaran sesat di Malaysia. Kajian ini berkonsepkan kualitatif dengan analisis kandungan terhadap sumber primer dan sekunder sebagai kaedah pengumpulan data. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara deskriptif-analitik dan dipersembahkan secara tematik. Hasil kajian mencadangkan tiga bentuk pembaharuan iaitu penstrukturan semula sighah fatwa berkaitan ajaran sesat, melaksanakan proses runding cara akidah sebelum penghakiman dan penglibatan Jabatan Mufti dalam proses istitabah atau pemulihan akidah pasca penghakiman. Implikasi pembaharuan ini membolehkan fatwa dan institusinya memainkan peranan dengan lebih proaktif dalam mendepani cabaran akidah melalui proses pemulihan yang sistematik sehingga institusi fatwa tidak lagi hanya dilihat sebagai badan normatif, tetapi juga sebagai instrumen pentadbiran agama yang berkesan dalam pemulihan sosial dan spiritual. Kata kunci: Ajaran Sesat, Fatwa, Pembaharuan, Punitif, Restoratif	methodology, it utilizes content analysis of both primary and secondary sources with findings presented descriptively and thematically. The study proposes three key reforms namely restructuring the sighah of fatwas concerning deviant teachings, introducing a faith reconciliation process prior to legal adjudication and involving the Mufti Department in post-adjudication faith rehabilitation. These reforms would transform fatwa institutions into proactive agents of spiritual and social restoration beyond their conventional normative roles thereby strengthening their contribution to a more holistic and compassionate framework of religious governance. Keywords: Deviant Teachings, Fatwa, Reforms, Punitive, Restorative
--	---

1. PENGENALAN

Penyebaran fahaman sesat dalam kalangan masyarakat Islam dilihat tidak berpenghujung walaupun pelbagai tindakan penguatkuasaan telah diambil. Menurut statistik rasmi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi Hal Ehwal Agama yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2021, Malaysia mencatatkan kes ajaran sesat sebanyak 47 kes antara tahun 2020 dan 2021 dengan 33 kes dilaporkan pada tahun 2020 dan 14 kes dilaporkan sehingga september 2021 (Samudin & Zaim, 2025). Di Selangor, sebanyak 23 kes berkaitan ajaran sesat dilaporkan antara tahun 2019 hingga 2024 dengan 12 kes yang membabitkan ajaran Syiah, Hizbut Tahrir, Rasul Melayu, Millah Abraham dan Tuhan Harun telah disabitkan kesalahan (Bernama, 2025). Walaupun ajaran-ajaran tersebut telah lama difatwakan sesat dan menjadi kesalahan bagi sesiapa yang mengamalkan atau menyebarkan, tetapi kes berkaitan dengannya masih lagi direkodkan sehingga kini dan semakin

membimbangkan saban tahun (Selangor, 2022). Situasi ini menunjukkan bahawa mekanisme perundangan sedia ada tidak memberikan impak yang begitu positif dalam membendungnya.

Fatwa memainkan peranan penting dalam pengekangan ajaran sesat dengan bertindak sebagai asas kesalahan (Saifuddin et al., 2024). Setiap individu yang menyebarkan atau mengamalkan sesuatu ajaran yang difatwakan sesat boleh dikenakan tindakan undang-undang (Suhaimi et al., 2024). Analisis terhadap fatwa-fatwa berkaitan ajaran sesat yang diwartakan di Malaysia seperti fatwa ajaran sesat Suhaini bin Mohammad pada 2024 (Wilayah Persekutuan, 2024a), fatwa fahaman sesat Asmaul Husna oleh Dr. Wan Maseri Wan Mohd (Wilayah Persekutuan, 2024b) serta beberapa lagi menunjukkan bahawa fatwa-fatwa tersebut lebih cenderung kepada pendekatan punitif berbanding restoratif. Kecenderungan ini dapat dilihat melalui keutamaan kepada syor tindakan perundangan berbanding pemulihan.

Walaupun seruan taubat tampak memberi ruang kepada pemulihan tetapi ia lebih bersifat deklaratif dan normatif tanpa adanya mekanisme sokongan pemulihan yang sistematik seperti sesi runding cara, dialog terbimbing atau kaunseling yang menepati prinsip keadilan restoratif. Pendekatan fatwa yang bersifat punitif ini mendorong tindakan perundangan sebagai pilihan utama berbanding tindakan pemulihan secara dialog atau bimbingan yang merupakan teras dalam keadilan restoratif. Kesannya, fatwa-fatwa ajaran sesat yang berpaksikan kepada pendekatan punitif ini seringkali dikritik kerana dianggap melanggar prinsip hak asasi manusia (Ilahi et al., 2024).

Sebagai contoh, siaran akhbar oleh Free Malaysia Today yang bertarikh 22 September 2019 memaparkan kritikan seorang ahli akademik terhadap fatwa pengharaman syiah di Malaysia kerana menurutnya fatwa tersebut melanggar hak berperlembagaan yang menjamin kebebasan individu (Salleh, 2019). Dimon et al. (2018) dalam satu kajian pula mendedahkan tindakan perundangan ke atas kesalahan ajaran sesat sering kali dikritik dan dibantah oleh kumpulan pejuang hak asasi manusia seperti Sister in Islam (SIS), Islam Interfaith Commision (IRF), Coalition of Malaysian NGOs in the UPR Process (COMANGO), Kumpulan Artikel 11, Jaringan Islam Liberal (JIL) dan beberapa lagi dengan tanggapan bahawa tindakan tersebut adalah tidak wajar kerana bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia. Kritikan terhadap tindakan perundangan ini merangkumi juga kritikan terhadap fatwa kerana fatwa sebagai asasnya.

Selain itu, kecenderungan fatwa kepada pendekatan punitif ini juga menyebabkan ketidakefektifan tindakan penguatkuasaan terhadap jenayah ajaran sesat. Hal ini kerana hukuman yang diperuntukkan secara dasarnya

terlalu rendah dan tidak mendatangkan kegerunan. Oleh itu, tidak mengejutkan sekiranya masih wujud pesalah yang telah dijatuhi hukuman tetapi tetap mengulangi perbuatan yang sama. Contohnya, Abdul Kahar Ahmad yang mendakwa dirinya sebagai Rasul Melayu telah dijatuhi hukuman penjara selama 10 tahun, denda RM16,500 dan 6 sebatan oleh Mahkamah Tinggi Syariah atas kesalahan mengamalkan ajaran sesat pada 2009 serta dibebaskan pada 2016 setelah melafazkan taubat (Madfa, 2016). Namun begitu, pada tahun 2020 beliau bersama beberapa pengikut ditahan semula atas kesalahan yang sama iaitu mengamalkan ajaran Kahar Ahmad yang telah diwartakan sebagai menyeleweng (Zain, 2020).

Kes kedua adalah fahaman sesat Al-Arqam yang dinamakan menggunakan nama GISBH. Walaupun ajaran ini telah difatwakan sesat pada 1994 dan 2016 dan ada dalam kalangan mereka yang telah dijatuhi hukuman tetapi terbukti ajaran ini masih lagi berkembang sehingga ke hari ini. Hukuman yang diperuntukkan tidak menimbulkan kegerunan kepada pengikut-pengikut lainnya sehingga fahaman ini masih lagi disebarkan dalam kalangan mereka (Jalil, 2024). Hakikat ini memperlihatkan bahawa pendekatan punitif semata-mata tidak sepenuhnya berkesan dalam menangani jenayah ajaran sesat sebaliknya menuntut pelaksanaan pembaharuan yang menitikberatkan juga aspek pemulihan dan pengislahan.

Walaupun terdapat banyak kajian yang membicarakan mengenai pembaharuan dari sudut pengintegrasian keadilan restoratif tetapi perbahasannya lebih tertumpu kepada aspek perundangan dan bukannya fatwa. Justeru, kelompongan kajian ini menimbulkan persoalan penting iaitu apakah pembaharuan yang wajar dilaksanakan terhadap fatwa dan institusi fatwa bagi mengintegrasikan prinsip-prinsip keadilan restoratif dalam menangani kes ajaran sesat di Malaysia? Justeru, tujuan penulisan ini adalah untuk mengkaji bentuk pembaharuan fatwa dan institusi fatwa dalam mengintegrasikan keadilan restoratif bagi menangani kes ajaran sesat di Malaysia. Keunikan kajian ini adalah pada memfokuskan aspek fatwa dan institusinya dalam mengintegrasikan prinsip-prinsip keadilan restoratif bagi kesalahan ajaran sesat, satu dimensi yang masih kurang diberi perhatian dalam wacana akademik semasa.

2. KAJIAN LITERATUR

2.1 *Pentadbiran Fatwa di Malaysia*

Institusi fatwa di Malaysia merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah bidang kuasa negeri kerana hal ehwal berkaitan agama Islam adalah hak negeri. Bidang kuasa ini jelas dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan,

Jadual Kesembilan, Senarai II - Senarai Negeri (Urus et al., 2022). Namun begitu, fatwa tidak dinyatakan secara jelas dalam perlembagaan tetapi penubuhannya berpunca kuasa daripada Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri. Menurut sejarah, institusi fatwa telah mengalami pelbagai perubahan serta pembaharuan dan sehingga kini hanya negeri Sabah dan Kedah sahaja yang memperuntukkan undang-undang berkaitan fatwa secara khusus melalui Enakmen Fatwa Negeri Sabah 2004 dan Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 (Saifuddin et al., 2024). Adapun negeri-negeri selainnya masih meletakkan peruntukan-peruntukan mengenai fatwa dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Dimon, 2020).

Dalam sistem perundangan Malaysia, institusi fatwa beroperasi secara berasingan daripada badan kehakiman syariah. Walaupun kedua-dua institusi ini berbeza dari segi bidang kuasa dan tugasnya, namun masih terdapat titik persamaan iaitu kedua-duanya bertindak sebagai pemberi khabar tentang sesuatu hukum dengan cara mengeluarkan pandangan secara terperinci, memahami isu secara menyeluruh, membezakan sesuatu perkara yang wajar diberikan huraian dan akhirnya menentukan hukum syarak yang bertepatan dengan situasi atau kes berkaitan. Namun, penghakiman yang dibuat oleh hakim bersifat mengikat terhadap pihak-pihak yang terlibat, manakala fatwa mufti hanya mempunyai kekuatan mengikat apabila fatwa tersebut telah diwartakan (Nasri & Md Noor, 2024). Institusi fatwa atau dikenali sebagai Jabatan Mufti Negeri ini diketuai oleh seorang mufti dengan dibantu oleh beberapa kakitangan lainnya. Proses pengeluaran fatwa pula berdasarkan kepada ijtihad secara kolektif iaitu melibatkan beberapa orang pakar dan alim ulama yang akan berbincang dan mengeluarkan hukum akan sesuatu permasalahan. Oleh sebab itu, hukum yang dikeluarkan oleh mufti secara bersendirian tidak dinamakan fatwa dalam konteks perundangan Malaysia tetapi hanyalah sebagai pandangan peribadi (Ismail et al., 2023).

Bagi tujuan menyeragamkan fatwa di antara negeri-negeri, sebuah jawatankuasa fatwa telah dibentuk dengan tanggungjawab untuk menyelaras dan menyatukan pandangan hukum bagi isu-isu yang bersifat kebangsaan. iaitu Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini memainkan peranan yang besar sebagai wakil negara dalam memutuskan sesuatu hukum yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di peringkat nasional selain memberi petunjuk kepada masyarakat umumnya dalam beriltizam dengan hukum syarak. Selain bertanggungjawab mengeluarkan hukum bagi permasalahan semasa, fatwa juga turut digunakan untuk menyampaikan tafsiran dan pengamalan Islam yang sejajar dengan kepentingan kerajaan. Justeru, keputusan yang diputuskan melalui muzakarah ini mempunyai kepentingan pada peringkat nasional serta meliputi pelbagai aspek seperti akidah, ibadat, muamalat,

perundangan, kedoktoran dan sebagainya termasuklah persoalan mengenai politik dan hal ehwal kenegaraan. Secara kebiasaannya, keputusan yang dikeluarkan oleh jawatankuasa ini kebanyakan berkaitan dengan dasar, polisi atau aktiviti yang mempunyai kaitan langsung dengan kepentingan kerajaan pusat, kerajaan negeri atau mana-mana kementerian, jabatan serta agensi (Mahmud et al., 2024).

Walaupun begitu, jawatankuasa ini tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengeluarkan fatwa dan mewartakannya. Penetapan hukum yang diputuskan oleh jawatankuasa ini dikenali sebagai Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI (Saifuddin et al., 2024). Justeru, bagi membolehkan sesuatu keputusan itu dijadikan sebagai fatwa, maka akan dibawa ke peringkat negeri untuk diwartakan. Negeri tidak terikat sepenuhnya dengan sighth fatwa yang dikeluarkan dan berhak untuk memindanya berdasarkan kepada pentadbiran fatwa sesuatu negeri. Selain itu, fatwa turut berperanan sebagai sumber perundangan kepada kesalahan jenayah syariah khususnya bagi jenayah akidah. Ajaran sesat sebagai contoh memerlukan kepada fatwa sebagai autoriti kesalahan. Oleh yang demikian, pengamalan atau penyebaran ajaran yang berlawanan dengan fatwa yang diwartakan dikira sebagai suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan atau hukuman mengikut peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa (Dimon, 2020).

Dalam konteks perundangan di Malaysia, pewartaan sesuatu fatwa sangat penting kerana ia mengikat setiap individu muslim yang berada dalam negeri yang fatwa tersebut mempunyai bidang kuasa. Tindakan boleh diambil sekiranya terdapat pelanggaran terhadap fatwa yang telah diwartakan tersebut. Namun begitu, terdapat juga fatwa yang tidak diwartakan. Walaupun ia dikeluarkan oleh jabatan yang sama, namun ia tidak bersifat mengikat secara perundangan. Dalam erti kata lain, fatwa yang tidak diwartakan hanya berperanan sebagai pemberitahuan hukum terhadap sesuatu isu dan tidak mempunyai sifat perundangan (Suhaimi et al., 2024).

2.2 Keadilan Restoratif Menurut Perundangan Islam

Pendekatan keadilan restoratif menekankan penyelesaian konflik secara bersama dan harmoni antara pihak-pihak yang terlibat atau terkesan akibat sesuatu jenayah (Zafrullah, 2023). Dalam proses ini, pihak-pihak tersebut akan berbincang mengenai kesan negatif yang timbul terhadap kesejahteraan mereka dan bersama-sama menentukan hukuman pemulihan yang paling sesuai untuk individu yang melakukan kesalahan tersebut. Keadilan dianggap terlaksana apabila sebuah perjanjian untuk memperbaiki kemudaratan dan kerosakan yang berlaku dipersetujui oleh semua pihak (Mohd Azam, 2016).

Oleh itu, keadilan restoratif menekankan pemulihan hubungan serta pemulihan kerugian antara pesalah dengan mangsa serta masyarakat dan bukan semata-mata hukuman kepada pesalah (Amin, 2023). Keadilan restoratif juga menggunakan pendekatan fasilitator atau pegawai khas sebagai mediator yang bertanggungjawab untuk mengendalikan perbincangan secara harmoni dan berkesan. Prinsip keadilan ini bukan sahaja disyariatkan dalam Islam bahkan dituntut untuk dilaksanakannya kerana ia bertepatan dengan prinsip-prinsip Islam iaitu *sulh*, *islah*, *al-afwu* dan *maslahah* (Suparno et al., 2024).

Wan Muhammad (2018) mendedahkan bahawa keadilan restoratif lebih dahulu diterapkan dalam sistem perundangan Islam berbanding perundangan-perundangan konvensional lainnya. Hal ini dapat dilihat melalui pelaksanaan hukuman qisas di mana hak menentukan bentuk hukuman terhadap pesalah diberikan kepada mangsa atau warisnya walaupun terdapat pilihan untuk menjatuhkan hukuman yang lebih berat. Berbeza dengan jenayah hudud yang mana hukumannya adalah tetap dan tidak dapat diubah atau dihapuskan walaupun mendapat kemaafan daripada mangsa. Adapun bagi jenayah qisas, Islam memberikan hak kepada mangsa atau warisnya untuk menggugurkan hukuman punitif terhadap pesalah melalui prinsip memberi maaf atau meminta dibayarkan diyat. Walaupun menghukum pelaku dengan hukuman qisas adalah hak yang dibenarkan dalam Islam, tetapi al-Quran lebih banyak menekankan untuk memberi kemaafan berbanding melaksanakan hukuman. Justeru, ini membuktikan bahawa Islam menggalakkan umatnya untuk mengutamakan restoratif berbanding punitif.

Penekanan yang sama turut dapat dilihat dalam jenayah takzir. Islam tidak menetapkan hukuman tertentu bagi kesalahan takzir dan menyerahkannya kepada pemerintah untuk menentukan hukuman yang sesuai dengan jenis kesalahan selaras dengan kemaslahatan semasa. Oleh itu, Islam menetapkan pelbagai pilihan dalam menangani pesalah takzir ini termasuklah perdamaian (*sulh*), pampasan, pemenjaraan dan pengampunan. Akan tetapi penyelesaian secara perdamaian lebih diutamakan berbanding hukuman. Lantaran itu, ayat 128 surah al-Nisa' menuntut umat Islam agar menyelesaikan ketegangan melalui timbang tara dan penyelesaian secara damai. Bahkan sunnah Nabi Muhammad SAW juga menekankan penyelesaian konflik secara damai kerana ia lebih besar ganjarannya berbanding solat dan puasa (Wan Muhammad, 2020).

Tujuan utama pensyariatkan hukum jenayah dalam Islam ialah untuk mendidik pesalah supaya tidak mengulangi perbuatan salahnya serta membentuk mereka menjadi individu yang lebih baik dan bermanfaat pada masa hadapan

di samping memulihkan hubungan antara pesalah dengan pihak-pihak yang terkesan. Dalam pada itu, Islam tidak mengenyampingkan konsep menghukum kerana tanpanya keadilan tidak dapat ditegakkan. Oleh itu, selain mendidik Islam juga menekankan unsur *al-Jaza'* iaitu menghukum dengan hukuman yang setimpal atas perbuatan jahat pelaku kepada mangsa ataupun masyarakat (Amin, 2023). Kedua-dua prinsip ini bergerak seiringan dalam falsafah jenayah Islam yang menjadikannya perundangan yang adil berbanding perundangan-perundangan lainnya (Salam et al., 2021). Justeru itu dalam konteks jenayah qisas, pemerintah masih berhak menjatuhkan hukuman alternatif yang berbentuk takzir seperti denda dan sebagainya walaupun kemaafan telah diberikan oleh mangsa atau warisnya (Wan Muhammad, 2018).

Sistem perundangan jenayah Islam bukan hanya menitikberatkan keadilan kepada mangsa malahan juga mengiktiraf peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik. Begitu juga sistem perundangan jenayah Islam sangat menitikberatkan hubungan yang harmoni antara pelaku, mangsa dan masyarakat (Suhartati et al., 2024). Hal ini kerana, perlakuan jenayah bukan hanya memberi kesan kepada mangsa malahan juga kepada masyarakat umumnya. Atas dasar inilah Islam meneguhkan konsep restoratif sebagai kaedah terbaik kepada penyelesaian sesuatu konflik. Hal ini kerana melalui pendekatan restoratif prinsip musyawarah dan perbincangan harmoni antara pihak-pihak berkepentingan dapat diadakan dan seterusnya menegakkan keadilan dan memupuk perdamaian serta memulihkan keseimbangan antara pihak-pihak yang terkesan dengan sesuatu perlakuan jenayah (Alam et al., 2024).

2.3 Pengaplikasian Keadilan Restoratif dalam Perundangan Malaysia

Pendekatan keadilan restoratif kini semakin diiktiraf dan diterima dalam sistem perundangan Malaysia. Namun, berbanding dengan perundangan Syariah, pelaksanaannya lebih ketara dan berkembang dalam sistem perundangan sivil. Perundangan sivil tidak hanya mementingkan pendekatan punitif tetapi juga menyeimbangkannya dengan pendekatan restoratif dan ia dapat dibuktikan sebagaimana berikut. Pertama, penekanan kepada teori pencegahan dan pemulihan dalam sistem keadilan juvana. Pendekatan ini dipilih kerana diyakini mampu menjaga kebajikan dan pembangunan diri kanak-kanak serta sesuai dengan psikologi mereka. Pesalah kanak-kanak yang disabitkan dengan sesuatu perbuatan yang menyalahi undang-undang tidak dihukum dengan hukuman berbentuk punitif sebagaimana pesalah dewasa sebaliknya dikendalikan dengan kaedah restoratif bagi tujuan pemulihan seperti ditempatkan di institusi-institusi pemulihan yang diluluskan atau pembebasan oleh mahkamah secara bersyarat

seperti melalui bon berkelakuan baik atau pengawasan oleh penjaga yang sah selaras dengan peruntukan Akta Kanak-Kanak 2001 (Haji Zainol et al., 2024).

Kedua, pewartaan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) dan pindaannya iaitu Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah) (Pindaan) 2021. Pewartaan akta ini mengukuhkan lagi penerapan keadilan restoratif dalam sistem perundangan jenayah sivil. Berdasarkan akta tersebut, hakim mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah kehadiran wajib kepada pesalah untuk hadir ke tempat tertentu bagi melaksanakan kerja-kerja wajib dalam tempoh tidak melebihi 12 bulan dengan tempoh kerja harian tidak melebihi empat jam sehari bagi kesalahan yang dihukumkan dengan pemenjaraan yang tidak melebihi 3 tahun setelah mempertimbangkan karakter pesalah, keseriusan kesalahan dan semua keadaan yang berkaitan. Pendekatan ini merupakan satu pendekatan alternatif yang bersifat restoratif bagi menggantikan hukuman asal iaitu penjara yang bersifat punitif (Salam et al., 2021).

Ketiga, pengamalan mediasi sebagai kaedah penyelesaian konflik di Pusat Mediasi Mahkamah yang ditubuhkan pada tahun 2005. Berdasarkan Aturan 34 Peraturan 2(1A) Kaedah-Kaedah Mahkamah (Pindaan) 2020, Hakim Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa untuk memerintahkan sesuatu kes dirujuk kepada pengantara sekiranya beliau berpendapat bahawa kes tersebut sesuai diselesaikan melalui mediasi. Seterusnya, Aturan 34 Peraturan 2(1B) menetapkan bahawa semua kes yang melibatkan kemalangan wajib dirujuk kepada proses mediasi semasa Pengurusan Kes Praperbicaraan. Selain itu, Aturan 59 Peraturan 8(c) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 menekankan bahawa mahkamah perlu menggunakan budi bicara dengan mengambil kira tingkah laku pihak-pihak serta segala maklumat yang berkaitan sepanjang proses mediasi dijalankan. Selari dengan prinsip ini, Perenggan 7 Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Malaysia No. 2/2022 menegaskan bahawa mediasi di Pusat Mediasi Mahkamah boleh dijalankan pada mana-mana peringkat prosiding termasuk sebelum keputusan di peringkat rayuan atau pada tahap lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah (Nasrul et al., 2024). Peruntukan-peruntukan tersebut membuktikan bahawa penyelesaian konflik secara harmoni adalah sesuatu yang praktikal di mahkamah sivil dan sekaligus menunjukkan bahawa perundangan sivil tidak hanya bersifat retributif bahkan juga restoratif.

Penerapan keadilan restoratif dalam perundangan syariah boleh dikatakan masih tidak sebanding dengan perundangan sivil. Seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah di Malaysia mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman bersifat retributif termasuk denda sehingga maksimum RM5,000,

penjara sehingga tiga tahun atau sebatan sehingga enam kali. Penerapan keadilan restoratif dalam sistem perundangan jenayah syariah lebih berfokus kepada bidang mal dengan diperuntukkan *sulh* sebagai kaedah penyelesaian konflik. Berbeza dengan undang-undang mal, undang-undang jenayah syariah tidak memperuntukkan *sulh* atau penyelesaian pertikaian luar mahkamah yang bersifat restoratif sebagai kaedah kepada penyelesaian konflik (Md Abdul Salam & Mohammad Fadli, 2023). Oleh itu, apabila pelaku telah ditangkap dan disiasat atas sesuatu kesalahan jenayah syariah, maka pelaku akan didakwa dan dibicarakan di mahkamah tanpa adanya ruang untuk perbincangan dan penyelesaian secara harmoni dari sudut perundangannya.

Walau bagaimanapun, menurut Md Abdul Salam et al. (2021), ketiadaan peruntukan *sulh* dalam bidang kuasa jenayah syariah tidak bermaksud prinsip keadilan restoratif tidak boleh diaplikasikan kerana masih terdapat ruang dalam sistem perundangan jenayah syariah semasa yang membolehkan prinsip keadilan ini diterapkan. Menurut (Hashim et al., 2022), pengaplikasian keadilan restoratif dalam bidang kuasa jenayah syariah berlaku pada bentuk hukuman alternatif yang diperuntukkan dalam undang-undang. Terdapat dua bentuk hukuman alternatif restoratif yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah syariah iaitu perintah bon berkelakuan baik serta pemulihan di rumah pemulihan yang diluluskan.

Seksyen 55 Akta 559 iaitu Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memberi kuasa kepada hakim untuk menggantikan hukuman punitif bagi kesalahan tertentu. Antaranya termasuk kesalahan berkaitan akidah, penghinaan terhadap Islam atau yang mencemarkan maruah agama, memperolok-olok ayat Al-Quran atau Hadith, menghina atau menolak pihak berkuasa agama serta mengkafirkan orang lain. Sebagai alternatif, pesalah boleh dihantar ke pusat pemulihan yang diiktiraf untuk tujuan kaunseling dan pemulihan (Wan Muhammad, 2018). Begitu juga Seksyen 129 (1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memberikan kuasa kepada hakim untuk mengenyepikan hukuman penjara dan menggantikan dengan hukuman berkelakuan baik bagi pesalah pertama setelah mempertimbangkan latar belakang pesalah (Salam et al., 2021).

Kedua-dua seksyen tersebut membuktikan bahawa keadilan restoratif diaplikasikan dalam sistem perundangan jenayah syariah tetapi dalam bentuk yang terhad kerana dibataskan kepada aspek dan kesalahan tertentu sahaja dan bukannya secara menyeluruh. Melihatkan kepada kekurangan ini, Hashim et al. (2022) dalam kajian mereka mencadangkan agar dilakukan pembaharuan terhadap undang-undang jenayah syariah bagi membolehkan keadilan restoratif dapat diterapkan dengan lebih menyeluruh serta tidak menimbulkan

sebarang keraguan dan pertikaian berkaitan pelaksanaannya.

Analisis terhadap sorotan-sorotan literatur lepas mendapati bahawa perbincangan mengenai keperluan kepada pembaharuan bagi mengintegrasikan prinsip keadilan restoratif dalam bidang kuasa jenayah syariah bukanlah satu perkara yang baru. Akan tetapi, perbincangan mengenainya hanya tertumpu kepada aspek perundangan sahaja khususnya di peringkat penghakiman. Adapun perbincangan mengenai pengintegrasian keadilan restoratif dari sudut fatwa masih belum dibahas dalam mana-mana kajian walhal fatwa merupakan asas kepada tindakan perundangan khususnya bagi kesalahan ajaran sesat. Oleh itu, kelompongan kajian yang timbul ini menjadi asas kepada pelaksanaan kajian ini.

3. METODOLOGI

Kajian ini berkonsepkan kualitatif sesuai dengan objektif kajian iaitu untuk mengkaji secara mendalam mengenai pembaharuan fatwa dan institusinya dalam mengintegrasikan prinsip-prinsip keadilan restoratif bagi menangani kes ajaran sesat di Malaysia (Mahmud et al., 2024). Data-data kajian dikumpul dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap sumber-sumber primer dan sekunder. Analisis terhadap kandungan ini dilakukan secara deduktif. Antara sumber primer yang dirujuk adalah fatwa-fatwa rasmi berkaitan ajaran sesat yang diwartakan dan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559). Manakala sumber sekunder yang dirujuk pula seperti artikel jurnal, buku, tesis atau disertasi dan laman-laman sesawang.

Data-data yang dikumpulkan ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif-analitik. Dapatan kajian kemudiannya dibentangkan secara tematik dengan penjelasan yang terperinci yang distrukturkan mengikut tema-tema yang telah dibangunkan. Bagi memastikan kesahihan dan kebolehterimaan data, kaedah triangulasi sumber dilakukan dengan membuat perbandingan silang antara pelbagai jenis sumber data. Keselarian dapatan dalam sumber yang pelbagai membuktikan bahawa data kajian yang dikutip adalah berkualiti dan boleh diterima untuk membentuk kajian ini.

4. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Antara pembaharuan yang dicadangkan bagi mengintegrasikan keadilan restoratif dalam fatwa dan institusinya berkaitan kesalahan ajaran sesat adalah seperti berikut.

1) Penstrukturan Semula Sighah Fatwa Ajaran Sesat

Fungsi utama fatwa berkaitan ajaran sesat adalah untuk menjelaskan kepada masyarakat akan kesesatan sesuatu aliran atau pemikiran agar mereka dapat menjauhkan diri daripada terlibat dengannya. Sabri (2018) menegaskan bahawa fatwa berkaitan ajaran sesat seharusnya mengetengahkan nilai-nilai kemanusiaan dalam wujud toleransi dan pembaikan bukannya dalam wujud melabel atau menghukum semata-mata. Hal ini menurut beliau, fatwa-fatwa sebegini pada akhirnya akan menanamkan bibit permusuhan, diskriminasi dan persengketaan sebagaimana yang berlaku di Indonesia. Jika diteliti, pandangan beliau ini bertepatan dengan falsafah jenayah dan hukuman dalam Islam yang menyeimbangkan antara menghukum dan mengislah (Sucipto et al., 2024). Oleh kerana fatwa di Malaysia bertindak sebagai asas kesalahan bagi jenayah ajaran sesat, maka sayugianya fatwa-fatwa tersebut tidak bersifat menghukum semata tetapi juga megandungi unsur-unsur pemulihan yang sistematik dan berkesan.

Sighah fatwa semasa berkaitan ajaran sesat di Malaysia yang memfokuskan kepada penerangan ciri-ciri kesesatan, penetapan hukum dan syor tindakan perundangan menjadikannya lebih cenderung kepada punitif tanpa adanya unsur-unsur pemulihan yang sistematik. Ketiadaan unsur-unsur pemulihan seperti dialog, kaunseling dan pemulihan akidah menjadikan peranan fatwa lebih kepada instrumen pengesahan kesalahan dan justifikasi kepada tindakan penguatkuasaan semata berbanding pemulihan akidah dan sosial. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang antara tuntutan syariat Islam yang menekankan pemulihan akidah melalui tarbiah dan dakwah dengan pendekatan fatwa di Malaysia yang lebih menghukum berbanding memulih.

Selain itu, sighah punitif tanpa disertai dengan elemen panduan pemulihan dan tindakan susulan turut menimbulkan kekangan kepada agensi pelaksana seperti Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Pendakwaan Syariah. Hal ini kerana, fatwa hanya mengisytiharkan sesuatu ajaran itu sebagai sesat dan menyeleweng tanpa disertai dengan prosedur operasional yang jelas tentang bagaimana pihak berkuasa harus menangani pengikut ajaran sesat tersebut khususnya dalam konteks pemulihan akidah, dialog, pendidikan atau tindakan berperingkat sebelum pendakwaan. Ketiadaan panduan restoratif ini menyebabkan agensi pelaksana cenderung menggunakan pendekatan undang-undang secara langsung seperti pendakwaan tanpa adanya peluang kepada pemulihan atau pengembalian semula pesalah ke pangkal jalan. Lebih

membimbangkan lagi, ia mengabaikan dimensi tarbiah dan hikmah yang sepatutnya menjadi sebahagian daripada pendekatan Islam dalam menangani kes-kes penyelewengan akidah.

Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menyemak dan menstruktur semula sighth fatwa semasa dengan memasukkan elemen-elemen keadilan restoratif. Langkah ini bukan sahaja membuka ruang kepada pemulihan akidah pelaku bahkan turut menyediakan panduan yang lebih menyeluruh dan berkesan bagi pelaksanaan prinsip keadilan restoratif oleh agensi-agensi pelaksana. Antara cadangan sighth fatwa yang boleh dimasukkan dalam kandungan fatwa sedia ada selain penerangan ciri-ciri kesesatan, penetapan hukum, syor tindakan perundangan dan seruan taubat adalah syor tindakan bimbingan dan pemulihan seperti *“Jawatankuasa Fatwa mengesyorkan agar tindakan bimbingan dan pemulihan akidah dilaksanakan dengan berhemah terhadap individu yang terlibat khususnya sebelum sesuatu tindakan undang-undang dikenakan selagi mana tidak terdapat unsur keingkaran berterusan atau ancaman kepada ketenteraman awam dan akidah umat Islam selaras dengan tuntutan syariat iaitu al-Islah dan Hifz al-Din”*.

2) Pelaksanaan Proses Runding Cara Akidah

Pemulihan akidah sebelum hukuman dijatuhkan kepada mereka yang terpesong akidah adalah satu tuntutan dalam Islam. Menurut pandangan yang *rajih*, pemerintah diwajibkan menawarkan proses istitabah kepada mereka yang murtad sebelum dijatuhi hukuman hudud (Audah, 2005). Langkah ini bertujuan untuk memulihkan akidah yang telah terpesong agar kembali selaras dengan ajaran Islam yang sebenar. Pendekatan ini sejajar dengan prinsip *Maqasid Syariah* khususnya keutamaan menjaga agama sebagai aspek tertinggi dalam hierarki syariah. Catatan sejarah menunjukkan bahawa tuntutan pemulihan akidah ini menjadi pegangan para khulafa al-Rasyidin ketika menguruskan kes akidah. Saidina Abu Bakar, Saidina Umar dan Saidina Ali tidak tergesa-gesa menjatuhkan hukuman kepada pesalah murtad tetapi terlebih dahulu mengadakan sesi nasihat, dialog dan perdebatan sebagai langkah pemulihan akidah (Azdi et al., 2013).

Dalam konteks Malaysia, kes ajaran sesat lazimnya diselesaikan melalui tindakan punitif seperti denda, penjara mahupun sebatan (Mohamed Fathillah et al., 2023). Namun begitu, terdapat juga beberapa kes ajaran sesat yang dilaporkan mengintegrasikan prinsip restoratif seperti kes *Mohamed bin Ya dan*

Lain-Lain Iwn Pendakwa Syarie Kelantan dan kes Abdul Kahar Ahmad (Dimon et al., 2019). Berbeza dengan kes permohonan keluar Islam yang memperuntukkan proses runding cara akidah, kes ajaran sesat tidak diperuntukkan proses runding cara akidah. Proses runding cara akidah adalah satu proses pemulihan yang melibatkan kaunseling, nasihat dan bimbingan yang dilakukan sebelum sesuatu keputusan kehakiman dibuat dan dalam konteks perundangan syariah semasa di Malaysia, proses ini hanya dilaksanakan bagi kes permohonan keluar Islam sahaja.

Setelah permohonan tersebut dikemukakan di Mahkamah Syariah, hakim akan menangguhkan kes dan meminta pemohon dirujuk ke Jabatan Mufti bagi proses runding cara akidah dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya tamat tempoh tersebut dan pemohon tidak bertaubat serta tetap dengan keputusan meninggalkan Islam, maka barulah hakim akan memutuskan bahawa pemohon bukan lagi beragama Islam. Bagi kes ajaran sesat, tiada proses runding cara akidah diperuntukkan. Selepas selesai perbicaraan dan pelaku disabitkan bersalah, hakim akan terus menjatuhkan hukuman tanpa dirujuk terlebih dahulu ke Jabatan Mufti bagi proses runding cara akidah (Wan Ismail et al., 2024). Pendekatan ini menjadikan amalan menghukum lebih dominan berbanding pemulihan dalam kes ajaran sesat.

Perbezaan proses pengendalian ini menunjukkan ketidakkonsistenan penerapan keadilan restoratif walaupun kedua-dua kes tersebut melibatkan akidah dan keyakinan yang terpesong. Kesan daripada pengamalan ini menyebabkan terciirnya peluang untuk pemulihan awal bagi pelaku ajaran sesat sedangkan terdapat daripada kalangan mereka yang boleh bertaubat sebelum hukuman disabitkan sekiranya diberi ruang pemulihan lebih awal. Keadaan ini bukan sahaja bercanggah dengan tuntutan Islam yang menuntut proses taubat sebelum hukuman tetapi juga menjejaskan prinsip keadilan apabila pesalah tidak diberikan ruang untuk memperbaiki kesalahan yang dilakukan sebelum disabitkan hukuman.

Proses runding cara akidah bagi kesalahan ajaran sesat adalah sangat perlu dan relevan untuk diwujudkan dalam konteks perundangan syariah Malaysia. Sebagai asas pembaharuan, Seksyen 103(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Akta 560 yang berbunyi "*pada mana-mana peringkat apa-apa perbicaraan sebelum penghakiman diberikan, Pendakwa boleh jika difikirkannya patut memberitahu Mahkamah bahawa dia tidak bercadang untuk mendakwa tertuduh selanjutnya atas pertuduhan itu dan sesudah itu semua prosiding*


atas pertuduhan itu terhadap tertuduh bolehlah digantung dengan kebenaran Mahkamah dan jika digantung sedemikian, tertuduh hendaklah dilepaskan daripada pertuduhan itu” boleh dijadikan sebagai punca kuasa. Seksyen ini jelas menyebutkan bahawa Pendakwa Syarie boleh untuk menghentikan prosiding pendakwaan pada mana-mana peringkat perbicaraan sebelum keputusan atau penghakiman dibuat oleh mahkamah. Justeru, proses runding cara akidah wajar dilakukan semasa di peringkat perbicaraan. Berdasarkan kepada kuasa yang diperuntukkan ini, Pendakwa Syarie boleh menghentikan pertuduhan dan pendakwaan terhadap pelaku sekiranya didapati dia mengaku bersalah atas perbuatannya dan bertaubat semasa proses runding cara akidah dijalankan.

Selain itu, proses ini juga menggunakan pendekatan yang sama dengan kes permohonan keluar Islam iaitu proses runding cara ini mestilah dikendalikan oleh pegawai daripada Jabatan Mufti dengan menggunakan kaedah nasihat, kaunseling, bimbingan dan dialog (Dimon et al., 2018). Namun begitu, proses ini mestilah dilaksanakan dalam keadaan tidak memprejudiskan hak tertuduh. Hal ini kerana, tertuduh belum lagi terbukti bersalah pada peringkat ini. Justeru, sebarang intervensi seperti runding cara akidah perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak dianggap sebagai satu bentuk tekanan untuk mengaku salah dan tidak mencetus persepsi prejudis terhadap tertuduh. Oleh itu, proses runding cara akidah ini mestilah bersifat sukarela dan berbentuk dakwah dan bukannya bersifat siasatan atau pemaksaan pengakuan. Pelaksanaan proses ini juga mestilah dibuat dalam kerangka *diversion program* iaitu pemulihan luar mahkamah secara sukarela tanpa mengganggu proses perundangan atau menggugurkan prinsip keadilan dan hak awam. Segala kenyataan semasa sesi runding cara ini juga tidak boleh direkodkan sebagai keterangan rasmi dan tidak boleh digunakan terhadap tertuduh di mahkamah.

Dari segi pelaksanaan, proses ini diberikan secara sukarela kepada pelaku pada setiap peringkat perbicaraan sebelum sesuatu penghakiman diputuskan. Pegawai runding cara akidah yang dilantik berperanan menawarkan sesi penerangan, nasihat, kaunseling atau dialog kepada tertuduh. Jika tertuduh dengan kerelaannya sendiri mengakui kesalahan dan bertaubat serta direkodkan taubatnya itu, maka laporan taubat tersebut akan dihantar ke Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie boleh menarik balik pertuduhan dan pendakwaan terhadapnya serta mahkamah akan membebaskan tertuduh. Ini selaras dengan prinsip keadilan restoratif iaitu memperbaiki akidah pelaku dan memulihkan hubungan sosial. Namun, jika tertuduh menafikan kesalahan

atau enggan bertaubat, maka proses perundangan akan berjalan seperti biasa. Sehubungan itu, jalinan kerjasama antara Jabatan Mufti dengan Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan Syarie perlu diwujudkan bagi membolehkan pelaksanaan proses runding cara akidah ini dilakukan.

Dari sudut perundangan, pelaksanaan proses ini tidak menimbulkan sebarang halangan kerana undang-undang syariah di Malaysia khususnya Akta Tatacara Jenayah Syariah tidak secara khusus menghalang usaha pemulihan atau rundingan selagi mana ia tidak mengganggu prosiding mahkamah. Malah, prinsip umum pentadbiran keadilan memberi ruang kepada penyelesaian yang bersifat pemulihan khususnya jika dilakukan sebelum penghakiman dibuat. Proses runding cara ini boleh dianggap sebagai sebahagian daripada langkah pemulihan dan nasihat agama yang diiktiraf dalam konteks perundangan Islam selaras dengan matlamat syariah dalam memelihara akidah dan memulihkan individu yang tersasar. Dengan terlaksananya proses runding cara akidah ini, maka fungsi Jabatan Mufti bukan hanya mengeluarkan fatwa tetapi juga dapat digerakkan untuk membantu memulihkan pesalah ajaran sesat dan seterusnya meluaskan peranannya dalam menerapkan keadilan restoratif dalam kes yang berkaitan akidah. Berikut merupakan carta alir pelaksanaan proses runding cara akidah bagi kesalahan ajaran sesat.



Rajah 1. Pelaksanaan Proses Runding Cara Akidah

3) Penglibatan Jabatan Mufti dalam Proses Istitabah atau Pemulihan Akidah

Proses istitabah dalam konteks Malaysia adalah merujuk kepada proses pemulihan akidah pasca penghakiman bagi kesalahan berkaitan akidah termasuklah kesalahan ajaran sesat yang sedang dilaksanakan di negeri Selangor di bawah kendalian unit al-Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Dalam satu kajian, Dimon et al. (2019) menjelaskan bahawa selain kesalahan berkaitan akidah, Seksyen 54 (1) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 juga memperuntukkan proses istitabah bagi kesalahan di bawah Seksyen 9 (mempersendakan ayat al-Quran atau al-Hadis), Seksyen 10 (menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam) dan Seksyen 11 (memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat) serta Seksyen 61(3)(b)(x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 berkaitan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam.

Proses ini dijalankan di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Hulu Yam, Selangor dengan mengguna pakai Modul Istitabah MAIS 2017 dan pelaksanaan proses istitabah ini adalah dikendalikan sepenuhnya oleh MAIS (Wan Ismail et al., 2024). Secara dasarnya, Selangor yang setakat ini diketahui melaksanakan proses istitabah bagi kesalahan ajaran sesat. Oleh itu, perbincangan mengenai proses istitabah ini adalah merujuk kepada negeri Selangor. Walaupun beberapa negeri ada memperuntukkan hukuman alternatif pengkomitan pesalah ke pusat pemulihan yang diwartakan bagi kesalahan akidah seperti Wilayah Persekutuan dan Pahang, namun sehingga kini proses istitabah masih belum dilaksanakan di kedua-dua negeri tersebut. Justeru, pengendalian kes ajaran sesat di Pahang dan Wilayah Persekutuan lebih tertumpu kepada hukuman punitif semata tanpa adanya proses pemulihan akidah.

Berbeza dengan runding cara akidah yang dicadangkan di atas, istitabah adalah proses pemulihan pasca penghakiman. Ini bermakna, proses pemulihan akidah berlaku selepas menjalani hukuman punitif (Ismail et al., 2018). Adapun runding cara akidah adalah proses pemulihan akidah sebelum penghakiman. Penelitian terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 serta undang-undang syariah Selangor lainnya, tiada satu pun peruntukan yang menyatakan bahawa kuasa atau pelaksanaan proses istitabah hanyalah eksklusif kepada MAIS sahaja. Secara dasarnya, MAIS memang bertanggungjawab secara umum dalam hal ehwal Islam di negeri tersebut

sepertimana yang dinyatakan pada Seksyen 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, namun kerja-kerja pelaksanaan boleh dijalankan bersama agensi lain termasuklah Jabatan Mufti.

Tambahan lagi, tiada mana-mana peruntukan dalam mana-mana peraturan atau arahan amalan yang melarang Jabatan Mufti daripada terlibat sama dalam proses istitabah. Selagi mana ia dilakukan dengan koordinasi bersama MAIS, maka ia adalah sah dari sudut perundangan. Keterlibatan Jabatan Mufti dalam proses istitabah adalah sesuatu yang perlu khususnya dari sudut perangkaan dan pelaksanaan modul pemulihan. Hal ini bagi memastikan proses pemulihan konsisten dengan fatwa yang dikeluarkan. Proses istitabah yang dijalankan tanpa penyelarasan dengan fatwa berisiko mewujudkan percanggahan pendekatan antara modul pemulihan dengan bentuk penyelewengan yang telah difatwakan. Misalnya, sesuatu ajaran sesat yang telah difatwakan sesat secara rasmi, maka pendekatan pemulihan perlu menjurus kepada penolakan bentuk-bentuk penyelewengan ajaran tersebut dan bukan sekadar pendidikan umum.

Selain itu, Jabatan Mufti juga memiliki kepakaran dalam bidang akidah, usuluddin dan perbandingan agama satu aspek yang tidak dimiliki oleh MAIS. Penglibatan pakar-pakar akidah ini secara bersama dalam merangka modul pemulihan dapat memastikan kandungan modul tersebut mempunyai asas syariah yang sahih serta tidak bercanggah dengan disiplin ilmu akidah Islam. Di samping itu, modul pemulihan yang dibangunkan tanpa penglibatan Jabatan Mufti berisiko untuk terdedah kepada kelemahan epistemologi seperti pendekatan yang terlalu umum, tidak menyentuh aspek bidaah dan syirik secara tuntas atau tidak selaras dengan manhaj ahli sunnah wal jamaah.

Justeru, penglibatan Jabatan Mufti dalam proses istitabah adalah sesuatu yang perlu. Amalan semasa yang dilaksanakan di negeri Selangor menunjukkan bahawa proses istitabah hanya diuruskan oleh MAIS sepenuhnya melalui Unit Al-Riqab tanpa penglibatan yang signifikan daripada Jabatan Mufti. Sehubungan itu, bentuk pembaharuan yang diketengahkan adalah penglibatan bersama Jabatan Mufti dalam proses istitabah khususnya dari sudut perangkaan dan pelaksanaan modul pemulihan. Keterlibatan Jabatan Mufti ini secara tidak langsung mengintegrasikan keadilan restoratif dengan memastikan bahawa institusi fatwa bukan sekadar berperanan mengeluarkan fatwa tetapi juga berperanan dalam pemulihan dan pengislahan akidah.

5. KESIMPULAN

Kesimpulannya, fatwa berkaitan ajaran sesat di Malaysia secara asasnya lebih cenderung kepada pendekatan punitif dengan syor tindakan perundangan sebagai keutamaan berbanding pemulihan akidah. Peranan institusi fatwa dalam menangani kesalahan ajaran sesat juga lebih tertumpu kepada mengeluarkan hukum dan mengesahkan status sesuatu ajaran yang bersifat punitif, manakala fungsinya sebagai saluran pemulihan dan bimbingan akidah masih belum menonjol. Berpaksikan kepada permasalahan tersebut, kajian ini mengetengahkan tiga bentuk pembaharuan utama bagi mengintegrasikan prinsip keadilan restoratif dalam kerangka fatwa. Pertama, penstrukturan semula sishah fatwa berkaitan ajaran sesat dengan memasukkan syor tindakan pemulihan sebagai pelengkap kepada pendekatan punitif. Kedua, melaksanakan proses runding cara akidah seumpama yang dilaksanakan dalam kes permohonan keluar Islam sebagai ruang dialog dan bimbingan sebelum tindakan undang-undang diambil. Ketiga, penglibatan Jabatan Mufti dalam proses istitabah atau pemulihan akidah pasca penghakiman khususnya dari sudut perangkaan dan pelaksanaan modul pemulihan. Implikasi daripada pembaharuan ini membolehkan fatwa dan institusinya memainkan peranan dengan lebih proaktif dalam mendepani cabaran keruntuhan akidah melalui proses pemulihan yang sistematik. Dengan ini, institusi fatwa tidak lagi hanya dilihat sebagai badan normatif, tetapi juga sebagai instrumen pentadbiran agama yang berkesan dalam pemulihan sosial dan spiritual.

6. RUJUKAN

- Alam, S., Aunuh, N., & Fajrin, Y. A. (2024). The Concept of Restorative Justice in Islamic Criminal Law: Alternative Dispute Settlement Based on Justice. *4th International Conference on Law Reform, KnE Social Sciences, 2024*, 642–651. <https://doi.org/10.18502/kss.v8i21.14779>
- Amin, F. (2023). Restorative Justice in the Perspective of Islamic Law and Judicial Principles. *Ratio Legis Journal, 2*(4), 1524–1536.
- Audah, A. Q. (2005). *Al-Tashri' al-Jina'i al-Islami Muqaranan Bi al-Qanun al-Wad'i*. Maktabah Dar al-Turath.
- Azdi, W. M. F., Musa, M. R., Abd Rahman, A., Zakaria, M. Z., & Mat Yaacob, M. F. (2013). Model Istitabah Cadangan Konsep dan Pelaksanaannya dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari di Malaysia. *Jurnal Al-Abqari, 3*, 57–71.
- Bernama. (2025). 23 Kes Ajaran Sesat Dikesan Di Selangor Sejak 2019 - Exco. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2442545>
- Dimon, Z. (2020). Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat, 3*(1), 116–129.
- Dimon, Z., Azizan, nurzatil ismah, Ismail, N., Mohd Effendy, N., Abd. Ghani, H., Hassan, Z., Mat Piah, N., & Abdullah@Zakaria, M. R. (2018). Pendekatan Istitabah Melalui Runding Cara Akidah di Jabatan Mufti Selangor dan Permasalahan Berkaitan. In *4th International Conference on Islamiyyat Studies*.
- Dimon, Z., Azizan, N. I., & Ismail, N. (2019). Pendekatan Taubat (Istitabah) bagi Kesalahan Ajaran Sesat di Baitul Iman, Selangor: Sorotan kes Abdul Kahar Ahmad. *Journal of Muwafaqat, 2*(1), 1–15. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/download/35/26/27>
- Haji Zainol, I. N., Mohammad, T., & Azman, A. (2024). Sistem Keadilan Juvana di Malaysia: Empat Prospek Penambahbaikan. *Kajian Malaysia, 42*(1), 209–239. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.1.10>
- Hashim, H., Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Abdul Mutalib, L., Mamat, Z., Mohammed Hassan, B. M., & Jusof, N. (2022). Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Satu Penjelasan Dari Sudut Pentafsiran dan Keperluan Kepada Penilaian Terhadap Peruntukan Perundangan Di Dalam Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022)*, 407–419.
- Ilahi, M. R., Irfan, M. N., Kamarusdiana, K., Hidayatulloh, H., & Zulfa, E. A. (2024). Fatwa Institutions in Handling Religious Blasphemy Crimes in Indonesia and Malaysia. *Al-Ahkam, 34*(1), 33–62. <https://doi.org/10.21580/ahkam.2024.34.1.18624>
- Ismail, N., Dimon, Z., Azizan, N. I., Mohd Effendy, N., Abd Ghani, H., Hassan,

- Z., Mat Piah, N., & Abdullah @ Zakaria, M. R. (2018). Penggunaan Modul Istitabah Dalam Mengendalikan Kesalahan Akidah Di Selangor. In *4th International Conference on Islamiyyat Studies*.
- Ismail, N., Omar, A. F., & Jamaluddin, A. R. (2023). Perspektif Mufti Berkaitan Faktor Penerimaan dan Penolakan Fatwa di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 10–18.
- Jalil, M. A. (2024). Kepercayaan GISBH sama seperti al-Arqam yang difatwa sesat pada 1994 - JK Fatwa NS. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1307808/kepercayaan-gisbh-sama-seperti-al-arqam-yang-difatwa-sesat-pada-1994>
- Madfa, L. (2016). Bekas pemimpin ajaran sesat bertaubat. Selangorkini. https://arkib.selangorkini.my/2016/05/bekas-pemimpin-ajaran-sesat-bertaubat/?utm_source=chatgpt.com
- Mahmud, A. T., Subri Mohd, I. M., & Abdul Majid, N. (2024). Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ygama Islam Malaysia 2022: Ulasan Terhadap Pindaan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 29(3), 90–110. <https://doi.org/https://doi.org.10.33102/jfatwa.vol.29no3.589>
- Md Abdul Salam, N. Z., Abdul Wahab, N., & Mohamad Dahalan, H. (2021). Mitigation In Syariah Courts: Judgment Based On Restorative Justice And Rehabilitation. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 227–240. www.jfatwa.usim.edu.my
- Md Abdul Salam, N. Z., & Mohammad Fadli, N. S. A. (2023). Sulh Norma Baharu: Aplikasi dalam Kes Mal di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 61–79.
- Mohamed Fathillah, M. F., Niteh, M. Y., Ahmad, A. B., Mohd Noor, M. S., & Shahabudin, M. F. R. (2023). Amalan Istitabah dalam Pelaksanaan Pemulihan Akidah di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 1–8. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.232>
- Mohd Azam, S. B. (2016). Amalan restoraktif dalam program perlindungan dan pemulihan remaja hamil luar nikah di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 12(1), 100–135. <https://doi.org/10.22452/mjsa.vol12no1.5>
- Nasri, M. S., & Md Noor, R. (2024). Kedudukan Keterangan Pendapat Mufti Menurut Undang-Undang Keterangan Di Malaysia: Adakah Sebagai Pakar? *Journal of Shariah Law Research*, 9(2), 185–206.
- Nasrul, M. A. D., Said, M. H. M., Shah, N. A. M. A., & Ghani, S. A. (2024). Peranan dan Cabaran Pusat Mediasi Mahkamah dalam Penyelesaian Kes Pertikaian di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 36(1), 121–144. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.36(1)no7)
- Sabri, F. A. (2018). Membangun fiqih toleransi: Refleksi terhadap fatwa-fatwa aliran sesat di Indonesia. *Al-Ihkam: Jurnal Hukum Dan Pranata Sosial*, 13(1), 145–166. <https://doi.org/10.19105/al-lhkam.v13i1.1612>

- Saifuddin, S., Mat Salleh, M. K., Ali Tajuddin, H. H., & Yahya, M. A. (2024). Importance of Gazettement of Fatwa In The Enforcement of Syariah Criminal Law In Malaysia: An Analysis. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 20–31.
- Salam, N. Z. M. A., Dahalan, H. M., & Wahab, N. A. (2021). Aplikasi Keadilan Restoratif dan Hukuman Rehabilitasi Dalam Prosiding Jenayah Syariah. *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (8th IRMIC 2021)*, 131–143.
- Salleh, N. H. M. (2019). *Ahli akademik dakwa fatwa Syiah sesat untuk kepentingan agamawan*. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/09/22/ahli-akademik-dakwa-fatwa-syiah-sesat-untuk-kepentingan-agamawan>
- Samudin, S. A., & Zaim, A. B. M. (2025). Kajian Kes Ajaran Sesat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengajian Islam*, 18(1), 56–82.
- Selangor, M. A. I. (2022). *Awas: Hati-Hati Ancaman Ajaran Sesat*. Artikel Dakwah Majlis Agama Islam Selangor. <https://mais.gov.my/artikel-dakwah/awas-hati-hati-ancaman-ajaran-sesat/>
- Sucipto, H., Suaedi, F., Setijaningrum, E., Amiati, M., & Nasution, R. S. (2024). Transforming Public Trust in Restorative Justice: An Islamic and Social Law Perspective on the Prosecutor's Role in the Contemporary Era. *MILRev: Metro Islamic Law Review*, 3(2), 364–387. <https://doi.org/10.32332/milrev.v3i2.9938>
- Suhaimi, M. A., Idham, M. A., & Wan Khairuldin, W. M. K. F. (2024). The Sighah Fatwa and Its Significance in Malaysia. *International Journal of Academic Research In Business and Social Sciences*, 14(12), 3308–3316. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i12/24306>
- Suhartati, Musyahid, A., Sultan, L., & Syatar, A. (2024). Umar Bin Khattab's Philosophical Ijtihad Thinking On The Restorative Justice Approach In Islamic Criminal Law. *AL RISALAH: Jurnal Ilmu Syariah Dan Hukum*, 24(2), 224–245. <https://doi.org/https://doi.org/10.24252/al-risalah.vi.52557>
- Suparno, Rusli, & Hidayat, I. (2024). A New Restorative Justice Paradigm in the Sociology of Islamic Law in Indonesia: Nahdlatul Ulama and Muhammadiyah's Responses to Corruption Cases. *Syariah: Jurnal Hukum Dan Pemikiran*, 24(2), 480–502. <https://doi.org/10.18592/sjhp.v24i2.16221>
- Urus, N. S. T., Al-Jarumi, M. A. A. R., Samsudin, M. S., & Yusoff, M. (2022). Hisbah (Ombudsmen) is A Mechanism for Resolving Enforcement Issues in Malaysia: Changes and Difficulties. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 1933–1941. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i1/12256>
- Wan Ismail, W. Z., Mohamad Dahalan, H., & Mat Rashid, A. (2024). Pelaksanaan Proses Istithabah: Satu Perbandingan Antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. *Journal of Muwafaqat*, 7(2), 41–55.
- Wan Muhammad, R. (2018). Keadilan Restoratif dan Retributif dalam Syariah

- dan di Malaysia: Satu Sorotan. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 3(1), 35–41. <https://doi.org/10.26475/jcil.2018.3.1.05>
- Wan Muhammad, R. (2020). Forgiveness and Restorative Justice in Islam and the West: A Comparative Analysis. *ICR Journal*, 11(2), 277–297. <https://doi.org/10.52282/icr.v11i2.786>
- Wilayah Persekutuan, P. M. (2024a). Fatwa Berkenaan Dengan Ajaran Dan Fahaman Yang Dibawa Oleh Suhaini Bin Mohammad. In *Warta Kerajaan Persekutuan* (P.U. (B) 404). <https://doi.org/10.3138/9781487548742-005>
- Wilayah Persekutuan, P. M. (2024b). Fatwa Berkenaan Dengan Penyelewengan Ajaran Dan Fahaman Asmaul Husna Yang Dibawa Oleh Dr. Wan Maseri Binti Wan Mohd. In *Warta Kerajaan Persekutuan*. <https://doi.org/10.3138/9781487548742-005>
- Zafrullah, M. A. (2023). *Penerapan Keadilan Restoratif (Restorative Justice), Apa Syarat-Syaratnya?* Fakta Hukum Lembaga Bantuan Hukum Pengayoman Universitas Katolik Parahyangan. <https://lbhpengayoman.unpar.ac.id/penerapan-keadilan-restoratif-restoratif-justice-apa-syarat-syaratnya/>
- Zain, R. M. (2020). “Rasul Melayu” ditahan lagi. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/09/733745/rasul-melayu-ditahan-lagi>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.